



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 21 JUN 2024 (JUMAAT)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	BAGAIMANA JUMLAH TAKSIRAN DIKIRA

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELAGORKINI	MBPJ, MBDK MBSA MBPJ MPAJ	- BANTAHAN MBPJ, MBDK MULAI JULAI - MBDK TURUNKAN IKLAN HARAM - PELUANG KEMUKA BANTAHAN KEPADA PBT - MBSA BINCANG BERSEMUKA 5 OGOS - KURSUS TIGA BULAN BAHASA INGERIS - GARIS PANDUAN KEMBANG NIAGA - MENANGI RM5,000 HADIAH LARIAN MALAM
2.	THE STAR	MBSA MPAJ MPKj MPS DBKL	- BASIC ENGLISH CLASSES - DANCE COMPETITION - GREEN SCHOOL AWARD - CHARITY FUNRUN - MPS LOOKING INTO CREATING RAWANG'S FIRST 'ART STREET' - CITY HALL IDENTIFIES 19 FIRMS FOR KL TREE MAINTENANCE CINTRACTS

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELAGORKINI	- HAMPIR 40 TAHUN TIDAK NAIK CUKAI - TANGANI ISU KESESAKAN TRAFIK - RM200,000 NAIK TARAF KEMUDAHAN - GERAN RM1,000 BUAT PENJAJA 514 PENJAWAT AWAM DAPAT RM1 JUTA
2.	THE STAR	PERSONAL SAFETY TRUMPS PAYOUT
3.	SINAR HARIAN	HARGA RUMAH MAMPU MILIK TIDAK BERUBAH
4.	KOSMO	- HARGA RUMAH MAMPU MILIK TIDAK TERJEJAS - KESEDARAN BERKAITAN AI PERLU DIPERTINGKAT DALAM KALANGAN RAKYAT
5.	BERITA HARIAN	- MALAYSIA TUNGGU INPUT WHO - SASARAN PELEPASAN KARBON SIFAR BERSIH 2050 DIMUKTAMAD
6.	UTUSAN MALAYSIA	- KETUA JABATAN PERLU JADI REFORMIS ELAK SALAH LAKU BERTERUSAN - TEKANAN HIDUP, STIGMA SOSIAL PUNCA LELAKI SAKIT MENTAL - HAK ANAK UNTUK MENERIMA DIDIKAN MORALITI YANG BAIK - PERDAGANGAN MALAYSIA CECAH REKOD TERTINGGI DALAM TEMPOH 20 BULAN
7.	NEW STRAITS TIMES	- AFFORDABLE HOMES STILL BELOW RM300,000 AFTER SUBSIDY REFORMS 63 NATIONS CAN USE AUTOGATE SYSTEM

BIL	AKHBAR	TAJUK
		• TOP TARGETS OF CYBERATTACKS • RIGHT MOVE FOR BETTER ECONOMY, ENVIRONMENT • SIX WAYS TO ADDRESS RIVER POLLUTION
8.	THE SUN	• PETROL, DIESEL PRICES UNCHANGED • GOVT REAFFIRMS COMMITMENT TO NET-ZERO, RENEWABLE ENERGY TARGETS • RINGGIT DIPS AGAINST DOLLAR AMID GLOBAL RATE CUT EXPECTATIONS • TAKE YOUR PETS TO GOVT VETS: NGO

Bagaimana jumlah taksiran dikira

Oleh NADIAH ZAMLUS

Kadar cukai taksiran, atau cukai pintu, bagi setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) berbeza-beza bergantung pada nilai hartanah di sesuatu kawasan dan jumlah sewaan yang dianggarkan bagi setiap jenis hartanah.

Kawasan yang menjadi tumpuan pembangunan dan padat penduduk seperti Petaling Jaya, Subang Jaya dan Shah Alam misalnya tentu lebih tinggi daripada Sabak Bernam atau Hulu Selangor.

Begitu juga jenis hartanah yang dibahagikan kepada pelbagai kategori misalnya kediaman dan perniagaan. Sementara bagi kategori kediaman, jenisnya berbeza-beza seperti teres, berkembar, bandar atau pangsapuri.

Cukai taksiran dikuatkuasakan bawah Seksyen 127 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Ia boleh dinilai setiap lima tahun atau tempoh lebih lama selepas mendapat kelulusan Kerajaan Negeri.

Berdasarkan jawapan bertulis Dewan Negeri Selangor, pada 2017, MBSA mengenakan kadar cukai taksiran antara 2 hingga 7.5 peratus, sementara MBPJ pula 5 hingga 8.8 peratus.

Bagi tahun sama, MBDK (sebelum ini MPK) mengenakan cukai antara 2.2 hingga 11.5 peratus, MPAJ 1.1 hingga 7.15 peratus, MBSJ (dahulu MPSJ) 2 hingga 8 peratus, MPS 4 hingga 12 peratus dan MPKJ 2.2 hingga 11 peratus.

Sepang pula menggunakan kadar cukai 4 hingga 9.45 peratus, Kuala Langat dan Hulu Selangor masing-masing 1 hingga 14 peratus, dan MPKS (sebelumnya MDKS) 6

hingga 12 peratus.

Namun 12 PBT ini menggunakan kadar lama (lihat jadual muka 9).

Seperti diumumkan EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Dato' Ng Suce Lim pada 29 Mei, Selangor menetapkan kadar maksimum 25 peratus cukai taksiran di semua PBT.

Jadual berikut menunjukkan contoh pengiraan jumlah cukai taksiran tahunan bagi tiga jenis hartanah termasuk kediaman dan bangunan. Cukai tersebut dikira menggunakan anggaran kasar sewa tahunan.

Jumlah sewaan itu pula ditetapkan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta setiap pihak berkuasa tempatan. Kadar peratusan cukai diluluskan Kerajaan Negeri selepas menerima cadangan daripada PBT.

Cara kiraannya, sewa kasar setahun didarab dengan kadar cukai taksiran. Jumlah kiraan itulah cukai yang perlu dibayar penduduk kepada PBT setiap tahun. Cara pengiraan juga sama bagi cukai taksiran bangunan.

Namun bagi tanah kosong, ia tertakluk kepada nilai pasaran semasa. Misalnya keluasan tanah 5,000 meter persegi dan nilai pasaran semeter persegi adalah RM4,000. Ertinya, harga pasaran tanah tersebut RM20 juta.

Jika kadar cukai taksiran bagi tanah kosong ialah 5 peratus, RM20 juta didarab dengan kadar berkenaan. Jumlah cukai taksiran yang perlu dibayar adalah RM10,000.

Cukai tahunan juga boleh berbeza walau jenis hartanah itu sama kategori jika keluasan lantai telah diubah suai atau ditambah.

JENIS HARTANAH

Kediaman

Rumah teres, rumah berkembar, rumah sesebuah, rumah bandar, rumah pangsa, pangsapuri, apartmen, kondominium, rumah kedai

Perniagaan

Kedai, pejabat, kompleks membeli-belah, pawagam, pejabat, hotel, stesen minyak, pusat rekreasi

Perindustrian

Kilang teres, kilang berkembar, kilang sesebuah

Tanah Kosong

Tanah pertanian, tanah pembangunan

Sumber portal Majlis Bandaraya Subang Jaya

CONTOH KIRAAN CUKAI TAKSIRAN KEDIAMAN MBDK

Sewa kasar setahun	RM500 x 12 bulan = RM6,000
Kadar cukai	4 peratus
CUKAI TAKSIRAN SETAHUN	RM6,000 x 4 peratus = RM240

CONTOH KIRAAN CUKAI TAKSIRAN BANGUNAN MPKS

Sewa kasar setahun	RM220 x 12 bulan = RM2,640
Kadar cukai	4 peratus
CUKAI TAKSIRAN SETAHUN	RM2,640 x 4 peratus = RM105.60

CONTOH KIRAAN CUKAI TAKSIRAN TANAH KOSONG MBSJ

Keluasan tanah	5,000 meter persegi
Harga pasaran semeter persegi	RM4,000
Harga pasaran tanah	RM20,000,000
Nilai tahunan (10 peratus daripada harga pasaran)	RM2,000,000
Kadar cukai	5 peratus
CUKAI TAKSIRAN SETAHUN	RM10,000

Sumber jawapan daripada PBT berkenaan

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 21 JUN 2024

Hampir 40 tahun tidak naik cukai



Oleh NADIAH ZAMILUS
Foto REMY ARIFIN

Selangor negeri maju dengan nilai hartanah yang kian meningkat. Khidmat pihak berkuasa tempatan (PBT) kepada penduduk juga semakin banyak khususnya prasarana dan kemudahan awam.

Demikian menajayakan tujuan tersebut, cukai taksiran perlu dipertingkatkan sejak puluhan tahun tidak disemak. Semua 12 PBT tidak membuat penilaian baharu kadar cukai taksiran antara hampir 20 hingga 40 tahun lalu (lihat Jadual).

Dalam keadaan begitu, semua PBT terus memberi perkhidmatan cemerlang. Pada 2019, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi pengiktirafan terbaik kepada 12 pihak berkuasa ini.

Sistem Penarafan Bintang (SPB) Kementerian tersebut menilai Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) paling tinggi 97.6 peratus dan paling rendah Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) 91.61 peratus.

Pencapaian ini lebih baik berbanding 2016 apabila hanya 10 PBT yang menerima lima bintang.

Daripada 12 pihak berkuasa tersebut, Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) paling lama tidak menaikkan cukai berkenaan, selama 39 tahun. Ia baharu sahaja menaikkan cukai taksiran pada 1 Januari lalu. ▶

TEMPOH TANPA SEMAKAN CUKAI TAKSIRAN 12 PBT SELANGOR

PBT	Tempoh tidak disemak (sejak tahun)	Tarikh akhir bantahan	Tarikh pendengaran awam
MPKJ *	39 (1985)	16 Mei 2022	Selesai (naik 1 Januari 2024)
MDSB *	37 (1987)	19 Jun 2024	Belum ditetapkan
MPKL *	37 (1987)	25 Jun 2024	Belum ditetapkan
MPS *	32 (1992)	31 Mei 2024	1 Julai - 30 Ogos 2024
MBPJ *	32 (1992)	4 Julai 2024	Mulai 1 Ogos 2024
MBSJ *	32 (1992)	2 Ogos 2024	Mulai 19 Ogos 2024
MBDK *	31 (1993)	16 Julai 2024	Mulai 1 Ogos 2024
MPSepang *	28 (1996)	Belum ditetapkan	Belum ditetapkan
MPHS *	28 (1996)	5 Julai 2024	Belum ditetapkan
MPAJ *	27 (1997)	31 Mei 2024	24 Jun - 31 Julai 2024
MPKS *	27 (1997)	1 Julai 2024	Belum ditetapkan
MBSA **	18 (2006)	14 Jun 2024	5 Ogos 2024

Sumber * jawapan daripada PBT ** media sosial PBT

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 21 JUN 2024

Peluang kemuka bantahan kepada PBT

►MDSB dan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) tidak menyemak sejak 1987, 37 tahun lalu. Kawasan pesat membangun dan padat penduduk seperti MBPJ dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) sudah 32 tahun tidak membuat semakan.

Seperti PBT lain, Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) ingin menaikkan cukai bagi menampung kos pengurusan, pembangunan, perkhidmatan dan penyelenggaraan yang meningkat saban tahun.

Pembangunan pesat bawah pentadbiran majlis itu, dinaik taraf bandar raya pada 23 November 2023, jauh berubah berbanding 31 tahun lepas atau sejak 1993, tahun terakhir cukai disemak.

Penilaian baharu boleh dibuat setiap lima tahun sekali mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 setelah dipersetujui Kerajaan Negeri. Namun, seperti 11 lagi PBT, Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) tidak menyemak sejak 28 tahun.

Dalam kenyataan kepada Selangorkini, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) memaklumkan peningkatan kos pengurusan dengan situasi ekonomi semasa menyebabkan mereka terpaksa menanggung kos tinggi.

"Kami perlu membelanjakan RM3 berbanding

cukai yang dikutip hanya RM1 untuk setiap rumah. Contohnya, peningkatan yuran penyelenggaraan juga menyebabkan MPKS perlu menanggung kos pengurusan sisa pepejal yang tinggi," kata PBT itu yang dinaik taraf pada 7 Ogos 2021.

Proses penilaian baharu yang dijalankan PBT penting demi memastikan keberkesanan perancangan bandar selain merangka strategi masa depan, jelas Dato' Menteri Besar pada 30 Mei lalu.

Menegaskan rumah kos rendah dan kampung tidak dikenakan cukai meski menerima notis itu, Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan ia bertujuan mengetahui nilai dan kualiti perbandaran sesebuah kawasan.

"Apabila buat penilaian semula, maka nilai rumah atau hartanah meningkat. Jadi (proses) ini adalah penilaian yang sebenar (terkini). (Kemudian) Kerajaan Negeri menetapkan selepas ini bila hendak dinaikkan atau tidak," katanya.

Hasil kutipan cukai itu pastinya membolehkan PBT menyediakan kemajuan. MBDK misalnya merancang menyediakan tebatan banjir di Taman

Sri Kerayong, Taman Klang Utama dan Taman Sungai Kapar Indah.

Walau penduduk menerima notis cukai taksiran baharu, pemilik hartanah boleh membuat bantahan menerusi PBT masing-masing. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menerima 22,352 bantahan apabila tempoh tamat pada 31 Mei.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menerima 5,669 bantahan sewaktu tempoh tamat pada 14 Jun. Tarikh pendengaran awam bagi PBT itu ditetapkan pada 5 Ogos.

Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim (foto) menegaskan MBSA sedia berbincang dengan penduduk. "Kita terima bantahan dan akan panggil pemilik

hartanah untuk sesi pendengaran," katanya kepada Selangorkini pada 19 Jun.

Selain MPAJ, MBSA dan MDSB, tarikh bantahan kenaikan cukai Majlis Perbandaran Selayang (MPS) sudah berakhir pada 31 Mei lalu.

Sesi pendengaran bantahan bagi MPAJ dan MBPJ masing-masing akan berlangsung pada 24 Jun hingga 31 Julai dan pada 1 Ogos.



Tiada kenaikan lebih 30 tahun

Bantahan MBPJ, MBDK mulai Julai

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) tidak membuat semakan kadar cukai taksiran sejak lebih 30 tahun.

Kali terakhir pada 1992, MBPJ tidak membuat sebarang kenaikan sejak 33 tahun manakala MBDK pula menggunakan pakai kadar penilaian berusia 31 tahun iaitu sejak 1993.

Meski kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) itu mahu menguat kuasa penilaian baharu mulai 1 Januari 2025, pemilik hartanah boleh membuat bantahan mengikut tarikh yang ditetapkan.

Bantahan terhadap MBPJ boleh dibuat pada atau sebelum 4 Julai dengan cara mengimbas kod QR atau mengisi borang di laman sesawang PBT berkenaan.

Bantahan terhadap MBDK pula boleh dilakukan menerusi laman sesawang, imbasan kod QR, e-mel atau hadir secara fizikal di kaunter Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta sebelum atau pada 16 Julai.

Selain MBPJ dan MBDK, lapan PBT lain juga tidak membuat semakan kadar cukai taksiran antara kira-kira 20 hingga 40 tahun lalu.

Pada 30 Mei, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan proses penilaian baharu yang dijalankan PBT penting demi memastikan keberkesanan perancangan bandar.

Menegaskan rumah kos rendah tidak dikenakan kenaikan meski menerima notis itu, beliau berkata semakan tersebut bertujuan mengetahui nilai dan mutu perbandaran sesebuah kawasan.

Katanya, pentadbiran negeri juga akan meneliti pelbagai faktor sebelum memberi kebenaran kepada PBT untuk membuat kenaikan ataupun sebaliknya.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 21 JUN 2024

MBDK turunkan iklan haram

KLANG - Pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sentosa bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) dan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) untuk menurunkan gegantung serta iklan haram.

Wakil rakyat Dr G Gunaraj memberitahu kerjasama sedemikian penting bagi memastikan bandar raya berkenaan termasuk DUN Sentosa bebas daripada iklan tanpa permit pihak berkuasa tempatan.

"Ada pihak sesuka hati meletakkan tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu. Berikutan itu, kita ambil inisiatif bekerjasama dengan NGO dan MBDK menurunkan gegantung serta iklan haram.

"Walaupun ini tanggungjawab pihak berkuasa tempatan tetapi kita bantu kerana akui penguat kuasa tidak mencukupi kerana kawasan Klang agak besar," kata beliau pada 17 Jun.

MBSA bincang bersemuka 5 Ogos

SHAH ALAM - Sesi pendengaran berhubung bantahan kadar baharu cukai taksiran bersama pemilik hartanah bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dijadual pada 5 Ogos.

Menerima 5,669 bantahan sehingga tarikh akhir 14 Jun, sesi tersebut akan diadakan secara bersemuka sebelum keputusan lanjut diambil, kata Datuk Bandarnya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim.

"Setelah keputusan mengenai-nya dibuat, MBSA akan memaklumkan keputusan berkenaan kepada pembantah melalui surat dalam tempoh 14 hari," katanya pada 19 Jun.

Beliau menambah senarai nilai yang disemak akan dibentang semula kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pengesahan sebelum dikuat kuasa

pada 1 Januari 2025.

Sebelum ini, MBSA memaklumkan pemilik hartanah di kawasan pentadbirannya mula membayar cukai taksiran pada kadar baharu mulai Januari tahun depan.

Menjelaskan tidak naik selama 18 tahun, kadar kurang 25 peratus daripada cukai lama melibatkan semua kategori harta iaitu kediaman, perdagangan, perindustrian dan tanah kosong (pertanian).

Rumah ibadat, sekolah dan premis awam yang bukan bermotif keuntungan pula menerima pengecualian.

Sementara itu, sesi pendengaran membabitkan 12.34 peratus pemegang harta yang membantah nilai baharu pemilikan hartanah di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di-

jadual pada 24 Jun.

Yang Dipertuanya Dr Ani Ahmad memberitahu sesi tersebut diadakan secara berperingkat sehingga 31 Julai melibatkan 22,352 daripada 181,144 pemegang harta di kawasan pentadbiran MPAJ.

"Panggilan dan jemputan ke sesi mendengar bantahan dihantar melalui surat, e-mel dan sistem pesanan ringkas (SMS) kepada pemilik harta yang membuat bantahan.

"Pemilik harta yang menerima jemputan diminta membuat pengesahan kehadiran melalui pautan yang dilampirkan bersama jemputan kelak," katanya.

Pada 30 Mei, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan proses penilaian baharu yang dijalankan PBT penting demi memastikan keberkesanan perancangan bandar.



Tangani isu kesesakan trafik

SHAH ALAM - Isu kesesakan lalu lintas dari Lebuhraya Kesyahbandaraya ke bulatan Kota Kemuning menjadi tumpuan untuk diselesaikan bagi penggal ini.

Ahli Dewan Negeri Kota Kemuning S Preakas merancang mengemukakan cadangan pembinaan jambatan dan jalan alternatif bagi mengatasi kesesakan di kawasan tersebut.

"Rungutan daripada penduduk memerlukan masa antara sejam hingga dua jam bagi melepasi kesesakan di



bulatan itu.

"Hasil kajian daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kos pembinaan bagi dua jambatan (flyover) dan jalan alternatif berjumlah RM50

juta. Harapan saya Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian penuh," katanya pada 18 Jun.

Bagi langkah jangka pendek pula, Preakas memohon tambahan jumlah laluan perkhidmatan Bas Smart Sela-

ngor untuk menggalakkan rakyat menaik pengangkutan awam.

Selain itu, beliau turut menumpukan membaiki kemudahan jalan di kawasan Bukit Kemuning yang mempunyai kadar kemalangan tinggi.

"Perbincangan telah dilaksanakan bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor untuk membaiki jalan berlubang dan selenggara lampu jalan di kawasan itu.

"Saya harap JKR dapat membantu kadar segera demi kesejahteraan penduduk," katanya.

Kursus tiga bulan bahasa Inggeris

SHAH ALAM - Penduduk bandar raya ini dipelawa menyertai kursus asas bahasa Inggeris anjuran Jabatan Pembangunan Komuniti Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Menurut kenyataan MBSA, inisiatif dengan kerjasama Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu terhad kepada 30 penyertaan.

Yuran serendah RM20 dikenakan kepada setiap peserta dalam kursus selama tiga bulan di Pusat Konvensyen MBSA antara 29 Jun hingga 10 Ogos.

Maklumat lanjut dan pendaftaran menerusi pautan shorturl.at/YPCAaw

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 21 JUN 2024

Garis panduan kembang niaga

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melancarkan garis panduan kegiatan perniagaan baharu bagi membantu pengusaha mengembangkan perniagaan.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Zahri Samingon berkata kategori pertama meliputi lima garis panduan melibatkan go-kart, simulasi golf, hotel, penjagaan haiwan dan pajak gadai pandu lalu.

"Kategori kedua meliputi dua garis panduan aktiviti pemutihan di Kampung Cempaka dan Old Town manakala kategori ketiga perniagaan di hadapan rumah kawasan Taman Medan," katanya pada 12 Jun.

Beliau menjelaskan garis panduan itu selaras bidang khas Thematic Economically Vibrant City (EVC) bawah Pelan Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan 2030.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 21 JUN 2024

Menangi RM5,000 hadiah larian malam

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menawarkan ganjaran lebih RM5,000 kepada peserta Larian Malam Geopark Ampang Jaya bermula di Pusat Konvensyen MPAJ Taman Melawati, Gombak pada 29 Jun.

Bahagian Perhubungan Awam dan Sekretariatnya memaklumkan pendaftaran acara tahunan kali ketujuh yang mulai 9 malam itu masih dibuka. Sebanyak 2,200 penyertaan diterima setakat 12 Jun.

Enam kategori dipertanding iaitu larian santai 5 kilometer (km), larian santai 5km berkumpulan (empat orang), 12km lelaki dan perempuan, serta 12km lelaki dan perempuan veteran.

Pendaftaran boleh dibuat menerusi pautan www.ticket2u.com.my/event/34256/geopark-ampang-jaya-night-run-2024

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 21 JUN 2024

RM200,000 naik taraf kemudahan

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Serdang menyumbang RM200,000 bagi kerja baik pulih dan naik taraf prasarana di pelbagai institusi.

Wakil rakyatnya Abbas Azmi berkata antara institusi yang dibantu termasuklah sekolah, masjid, surau dan dewan serbaguna bagi memberi keselesaan serta menjamin keselamatan pengguna.

"Antara sekolah yang dibantu adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Serdang dan Kelas Agama dan Fardhu Ain (Kafa) Batu 14 Puchong dengan masing-masing menerima bantuan RM30,000.

"Sumbangan untuk SMK Seri Serdang bagi menambah sinki kantin, baiki bumbung laluan pejalan kaki dan sistem pengairan di padang.

"Sementara Kafa Batu 14 Puchong peruntukan untuk baik pulih tapak perhimpunan termasuk tambah bumbung di kawasan itu," katanya pada 16 Jun.

Abbas berkata penambahbaikan kemudahan awam untuk manfaat masyarakat sentiasa menjadi keutamaannya.

TARIKH: 21 JUN 2024

514 penjawat awam dapat RM1 juta

SHAH ALAM - Seramai 514 penjawat awam menerima ganjaran lebih RM1 juta antara 2012 hingga 2023 kerana mendedahkan kes rasuah yang membawa kepada sabitan mahkamah.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Tan Sri Azam Baki berkata pemberi maklumat diberi ganjaran sama seperti tawaran suapan, lapor Harian Metro.

"la ringgit untuk ringgit, jika anda ditawarkan RM100, kerajaan akan beri anda RM100. Jika anda ditawarkan RM1 juta, kerajaan akan kembalikan RM1 juta ke-

pada anda," katanya pada 18 Jun.

Beliau menjadi tetamu program audio siar Beyond the Headlines kendalian New Straits Times (NST).

Azam juga memberitahu SPRM menyelamatkan lebih RM25 bilion wang kerajaan melalui pelbagai usaha memerangi rasuah dan ketirisan sepanjang tempoh lima tahun lalu.

Katanya, jumlah itu hasil beberapa projek membabitkan nilai RM87 bilion dengan tumpuan kepada usaha mendapatkan balik aset yang dicu-

ri selain mengheret mereka ke muka pengadilan.

Beliau menambah SPRM juga berjaya mendapatkan kembali kira-kira 70 peratus daripada aset 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang dicuri bernilai kira-kira RM29 bilion.

Menurut Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat pada 6 Jun, pemulangan tambahan RM721.4 juta dana berkaitan 1MDB kepada Malaysia. Keseluruhan nilai yang dipulangkan kira-kira RM6.6 bilion.

Kadar 70 peratus itu, jauh lebih tinggi berbanding 30 peratus purata global pemulangan semula.



BASIC ENGLISH CLASSES

Shah Alam City Council (MBSA) is organising a seven-session course on 'Basic English Communication Skills' from June 29 till Aug 10 at Shah Alam Convention Centre. Classes, running from 9am to noon, are open to Malaysians aged 18 to 30, limited to 30 people. A RM20 fee will be collected at the first session. To register, visit MBSA's social media pages or call 019-770 9864.

MBSA

star

21/6

THE STAR

12 1 JUN 2024

Tarikh:.....

DANCE COMPETITION

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) is holding a Creative Ethnic Dance Competition for students on July 11 at 8am, at Level 5, MPAJ Auditorium, MPAJ Tower, Ampang Jaya. Only secondary schools under MPAJ's jurisdiction are eligible. For details, call 017-820 4448 or 011-7302 4108.

MPAJ

Star

21/6

THE STAR

12 1 JUN 2021

Tarikh:.....

GREEN SCHOOL AWARD

Kajang Municipal Council (MPKj) is organising its Green School Award for primary and secondary schools.

Judging will be based on cleanliness, innovation, creativity and community involvement. Deadline is Aug 26. For entry forms, visit www.mpkj.gov.my

MPKj

Star

21/6

CHARITY FUN RUN

Selangor Municipal Council (MPSelangor) is holding a 5km Pet Charity Fun Run on June 22, from 7am to noon, at Semarak Hall, Cyberjaya. The fee is RM30 for children and RM45 for adults.

MPSelangor

Star

21/6

THE STAR

12 1 JUN 2024

Tarikh:.....

MPS looking into creating Rawang's first 'art street'

MPS
Star
21/6

Councillor: Transformation will solve rubbish dumping, benefit all

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

SELAYANG Municipal Council (MPS) is exploring the feasibility of using art to transform an eyesore in Rawang, Selangor.

If successful, the 32m side lane off Jalan Welman, in Pusat Bandar Rawang, will be the township's first art street.

Selayang councillor Alice Choo Foong Thyie said the lane was often used as a shortcut between Jalan Welman and Jalan Maxwell.

"I see potential in bringing life to the area.

"The owner of a shop which side wall faces the lane, has agreed for murals to be painted on it," she said.

At the end of the lane is an open plot of land which, according to Choo, is used as a dumping ground.

Although the authorities have not been able to locate the land owner, Choo suggested clearing up the space and using it for an urban farm.

"If the owner comes forward, we can let him take over," she said.

If all went well, Choo said she would propose that MPS use funds from the state-level "Kawasan Bandar Selamat"



Open land at the end of the proposed art street may be utilised as an urban garden. — ART CHEN/The Star

initiative for the project.

"The lane is always dark and dirty, with rubbish scattered along that stretch.

"If the lane is cleared and beautified, we can get food traders to move in and take advantage of the foot traffic.

"MPS will be able to solve the illegal dumping problem and it will benefit everyone," she noted.

Choo said Rawang assemblyman Chua Wei Kiat as well as MPS Engineering and Landscape Department officers visited the

site on June 12.

According to Chua, the street art project was first mooted in February.

He had thought about using street art to inject vitality into the township.

"Initially, I had proposed the 200m-back lane of Jalan Maxwell for the project," he said.

"The drains along the back lane need to be upgraded, so I thought about upgrading the infrastructure and beautifying the area in one go.

"However, since that lane is frequently being used by vehicles, we decided to put the project on hold as we would have to divert traffic first.

"That is why we are considering the side lane off Jalan Welman, which is shorter and only used by pedestrians," said Chua.

Choo said a second visit to the side lane has been scheduled for June 24, this time with MPS Town Planning and Building Department officers.

THE STAR

12 1 JUN 2024

Tarikh:

By LEW GUAN XI
lewguanxi@thestar.com.my

KUALA Lumpur City Hall (DBKL) has offered two-year contracts to 19 tree maintenance contractors assigned to parliamentary constituencies in the city.

DBKL advisory board member Lai Chen Heng told *StarMetro* that the contracts would run from June 15 to June 14, 2026.

"Each contractor will be paid RM1mil per year," he said.

According to him, there are two contractors each in the constituencies of Kepong, Batu, Bandar Tun Razak, Bukit Bintang, Lembah Pantai and Seputeh; three in Segambut; and one each in Cheras, Setiawangsa, Tituwangsa and Wangsa Maju.

Lai said DBKL offered the contracts after a meeting with MP representatives and 21 tree maintenance contractors including arborists, on June 7.

On May 29, Communications Minister Fahmi Fadzil announced on X (formerly Twitter) that DBKL would be assigning contractors to each constituency.

When contacted by *StarMetro*, Kepong MP Lim Lip Eng's assistant Cremund Tan, who attended the meeting, said DBKL did not explain in detail its criteria for selecting the contractors and determining the allocation for each constituency.

"Tree conditions vary across different constituencies.

"Some places have trees that

City Hall identifies 19 firms for KL tree maintenance contracts

DBKL
Star
21/6



DBKL workers pruning tree branches in Kuala Lumpur. — Filepic

are very huge and old, which require special attention.

"DBKL should have engaged more with the MPs, who would know their constituencies better.

"City Hall should also have conducted thorough case-by-case study on every constituency before appointing the contractors," said Cremund.

Echoing the sentiment, Seputeh MP Teresa Kok's personal assistant Alice Lan said two contractors were insufficient to cover tree maintenance works in Kok's constituency.

"DBKL should have had more engagement with MPs on policy and decision-making, especially on issues concerning residents," she said.

Kuala Lumpur Residents Action for Sustainable Development Association chairman Tan Booi Charn also questioned DBKL's determination of contractor numbers.

"Is it based on the number of trees in the constituencies or are there other factors at play?

"The timing of the contract execution is also quite hasty,"



Lai: Determining factor is the number of trees in each area.

said Booi Charn.

"Has DBKL done a thorough evaluation before appointing the contractors?

"Why were non-governmental organisations (NGOs) not invited to the meeting on a matter concerning public safety?"

In response, Lai clarified that City Hall's plan was to place a maximum of four contractors in each constituency and that the main determining factor was the number of trees per area.

He added that NGOs' feedback was welcomed.

THE STAR

21 JUN 2024

Tarikh:.....

Personal safety trumps payout

star
21/6

Better and stronger laws needed to protect whistleblowers, say experts

By MARTIN CARVALHO
marj3@thestar.com.my

PETALING JAYA: Anti-corruption experts highlight that, despite lucrative cash rewards, fear of identity exposure and intimidation prevent the public from coming forward to lodge reports against corruption.

Transparency International Malaysia president Dr Muhammad Mohan praised efforts to encourage more reporting of graft but emphasised the need to safeguard whistleblowers from abuse and intimidation.

He pointed out that there could be cases where whistleblowers might not receive rewards if they fail to meet additional conditions attached to the reward.

"The downside is that many whistleblowers may come forward based solely on hearsay.

"This is the reason why the terms and conditions must be clear to qualify for the reward."

He also underlined the need for stronger whistleblower laws to ensure that individuals reporting corruption are not stripped of their protections due to non-disclosure agreements or the Official Secrets Act.

"A whistleblower will be given protection, but if he or she violates other laws, then the protection will be withdrawn. This is what makes civil servants hesitant to report cases, fearing accusations of leaking government secrets and losing their protection.

"There is an urgent need for amendments to the Whistleblower Protection Act 2010 (WPA) to make it supersede other laws," Muhammad said.

He suggested that only a percentage of the money embezzled or stolen should be given to the whistleblower.

"Probably not more than 20% upon charging the person, and anything more will be subject to

the recovery of the stolen money and the terms of reference. If we apply the 1:1 model, like in the public sector, it may not be sustainable for the government," he said.

In May, Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) chief commissioner Tan Sri Azam Baki was reported as saying that the nation lost at least RM277bil due to corruption between 2013 and 2018.

During a recent radio talk show, Azam proposed expanding the current reward system to include members of the public, stating that between 2011 and 2023, a total of 514 civil servants received around RM1mil through the reporting reward system.

Azam said this was among the proposals under the National Anti-Corruption Strategy (NACS) 2024-2025.

Under the reward system, whistleblowers and civil servants who report corrupt practices resulting

in convictions can receive incentives ranging from a minimum of RM500 up to RM1mil, or a reward deemed appropriate.

Pushpan Murugiah, CEO of the Center to Combat Corruption and Cronyism (C4), mentioned that reluctance to come forward persists due to fear rather than the absence of rewards or incentives.

"Whistleblowers in Malaysia face innumerable challenges such as threats to their safety, their family's safety, and their livelihoods, among others.

"These dangers often far outweigh any sum of money that they could be rewarded with for reporting corruption," he added.

Pushpan said that the focus should be on reforming existing whistleblower laws, which have been in use for more than a decade despite their shortcomings.

"Effective progress in promoting corruption reporting requires addressing the systemic failures in Malaysia's whistleblower pro-

tection laws, which, even after more than a decade, still fail to adequately safeguard whistleblowers," he said.

Abdul Rahman Mohd Nordin, secretary-general of the Congress of Union of Employees in the Public and Civil Service Malaysia (Cuepacs), praised the proposal to extend the reward system to encompass the general public, not just civil servants.

"It is a good move, as it will encourage a larger section of society to come forward to make reports.

"However, there must be reforms to better protect whistleblowers.

"Although whistleblowers are protected, many are still afraid to come forward to report for fear that their identities will be leaked," he said.

"The WPA must be reviewed so that more people will have confidence in coming forward to report corruption," he added.

THE STAR

Tarikh: 12 1 JUN 2024

34
21/6

Harga rumah mampu milik tidak berubah

CYBERJAYA - Harga rumah mampu milik kekal RM300,000 ke bawah meskipun penyasaran subsidi diesel dilaksanakan, kata Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Aiman Athirah Sabu.

Menurutnya, hal itu kerana pemantauan berkesan dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) supaya tiada pihak yang sewenang-wenangnya menaikkan harga atau kos khidmat pengurusan.

"Harga rumah setakat ini tiada kenaikan apa-apa. Rumah mampu milik (harga) masih kekal bawah RM300,000," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Ibadah Korban Sentuhan Kasih Parlimen Sepang bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Tahun 2024 di sini pada Khamis.

Tambahnya, kerajaan juga memberi jaminan bahawa harga barangan bagi sektor pembinaan tidak akan terkesan berikutan ia dalam kawalan.

Turut hadir pada program ibadah korban itu, Ketua Setiausaha KPKT, Datuk M Noor Azman Taib dan Ketua Pengarah JBPM, Datuk Nor Hisham Mohammad.

Sementara itu, Nor Hisham berkata, ibadah korban tahun ini yang membabitkan 33 lembu dan empat kambing merupakan ibadah terbesar dilaksanakan oleh jabatan tersebut.

"Penekanan utama (korban) adalah kesediaan pegawai dan anggota berkorban dalam ibadah dan kebersamaan dalam program yang perlu dihayati semangat itu," ujar beliau.

Tambahnya, 1,000 pek daging korban diagihkan termasuk 600 pek kepada golongan asnaf. - *Bernama*

THE STAR
Tarikh: 12 1 JUN 2024



HARGA rumah mampu milik akan kekal di bawah RM300,000 seunit sekalipun berlakunya penyasaran subsidi diesel sehingga menyebabkan kenaikan harga bahan binaan. - GAMBAR HIASAN

KPKT kawal harga ekoran penyasaran subsidi diesel

Harga rumah mampu milik tidak terjejas

KOSMO
x/6

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

CYBERJAYA – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited memastikan harga rumah mampu milik di bawah kendalian mereka tidak terjejas susulan penyasaran subsidi diesel baru-baru ini.

Timbalan Menteri, Datuk Aiman Athirah Sabu berkata, harga rumah mampu milik itu sebenarnya tertakluk kepada dasar ditetapkan kerajaan iaitu di bawah RM300,000 seunit.

Beliau berkata, buat masa ini, harga RM300,000 seunit itu akan kekal dan tidak terkesan walaupun berlaku kenaikan harga diesel baru-baru ini.

"Kita jaga (harga) sebab ia ada dasar dan harga telah ditetapkan. Malah, kita juga akan kawal secara terus.

"Antara projek perumahan mampu milik di bawah seliaan KPKT termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), Program Rumah Mesra Rakyat (RMR), kediaman di bawah Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) dan Program Perumahan PRIMA," katanya ditemui pada Program Ibadah Korban Sentuhan Kasih P113 Sepang bersama KPKT dan Bomba 2024 di sini semalam.

Katanya, selain projek perumahan itu, pihaknya turut mengawal harga rumah mampu milik di bawah seliaan Majlis Pe-

rumahan Mampu Milik Negara (MPMMN).

Aiman berkata, pihaknya bagaimanapun tidak dapat mengawal harga rumah di pasaran terbuka kerana ia tertakluk kepada penawaran dan pembelian.

"Kalau ada kenaikan mereka perlu bawa isu berkenaan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN). Kita hanya kawal harga rumah mampu milik sahaja," katanya.

Sebelum ini, Persatuan Perunding Hartanah Muslim Malaysia (Peham) menjangkakan harga bahan binaan meningkat 10 hingga 15 peratus susulan pelarasan subsidi diesel baru-baru ini.

KOSMO

Tarikh: 21 JUN 2024

Kosmo 21/6

Kesedaran berkaitan AI perlu dipertingkatkan dalam kalangan rakyat

KUALA LUMPUR - Usaha untuk mempertingkatkan kesedaran dan pemahaman rakyat tentang penggunaan kecerdasan buatan (AI) perlu dipertingkatkan terutama di kawasan pinggir bandar dan luar bandar untuk memastikan tiada komuniti yang tertinggal.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, dengan capaian internet yang luas, murah dan pantas ketika ini, kerajaan mahu memastikan rakyat faham penggunaan internet yang baik termasuk dalam memanfaatkan teknologi AI.

Katanya, perkara itu supaya tidak hanya kita mendengar berita tentang kemasukan pelaburan termasuk dalam bidang AI, tetapi diharap aplikasinya dapat dimanfaatkan sama ada untuk mencari pekerjaan atau menjana pendapatan.

"Inilah yang kita harap dimanfaatkan setiap bahagian Parlimen.

"Justeru, melalui program bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dijangka akan memanfaatkan seramai 1,600 ahli komuniti berhampiran Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI), terutamanya golongan rentan akan menerima latihan dan pensijilan dalam kemah-

ran AI," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas Majlis Peluncuran MCMC Microsoft AI Teach: Skills For AI-Enabled Economy dan Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman Antara MCMC dan Microsoft Malaysia di sini semalam.

Menurut beliau, ketika Malaysia berhadapan dengan digitalisasi yang pesat dan teknologi yang kian berkembang, pelbagai dasar serta inisiatif yang diperkenalkan memberi impak sosial serta ekonomi kepada rakyat.

"Kerajaan mengiktiraf keperluan untuk mewujudkan sebuah kerangka kerja kawal selia bagi menangani cabaran-cabaran etika dalam teknologi AI.

"Kod Etika dan Tadbir Urus AI (AIGE) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) penting dalam memberikan kerangka yang menekankan tanggungjawab semua pihak dalam penggunaan AI," ujarnya.

Sehubungan itu katanya, MCMC akan turut memberikan fokus kepada dasar dan inisiatif penting untuk sektor AI yang melibatkan industri komunikasi dan multimedia.



FAHMI (tengah) hadir pada Majlis Peluncuran MCMC Microsoft AI Teach: Skills For AI-Enabled Economy di Kuala Lumpur semalam.

KOSMO
21 JUN 2024
Tarikh:

Kes Sindrom Kejut Toksik Streptokokus

Malaysia tunggu input WHO

Maklumat
penting untuk
ambil langkah
kawalan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan mendapatkan input dan maklumat lanjut daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berhubung Sindrom Kejut Toksik Streptokokus (STSS) yang melanda Jepun ketika ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, berkata maklumat tersebut penting supaya Malaysia dapat membuat persediaan serta mengambil langkah sewajarnya.

"Kita belum mendapat apa-apa maklumat atau perkembangan dan kita memerlukan input daripada WHO kerana ia sangat mustahak. Sebaik mendapat maklumat itu, kita dapat bersedia dan seterusnya dapat mengambil langkah kawalan," katanya.

Menjelaskan demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan pelancaran myBRP@CKA-PS, di sini semalam, katanya, buat masa ini kes jangkitan STSS belum dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) KKM.

Jepun mencatatkan kes STSS melebihi 1,000 pada tahun ini, lapor Xinhua yang memetik Institut Penyakit Berjangkit Nasional (NIID), semalam.

Menurut data NIID, setakat 9 Jun lalu, jumlah kes awal mencengah 1,019, menandakan peningkatan ketara dalam penyebaran jangkitan bakteria itu berbanding tahun sebelumnya.

Tokyo catat kes tertinggi
STSS yang juga dikenali sebagai jangkitan streptokokus invasif teruk adalah sejenis penyakit yang bermula secara tiba-tiba yang disebabkan oleh Streptokokus Kumpulan A.

Gejala awal biasanya termasuk sakit tekak, demam, hilang selera makan, cirit-birit, muntah dan masalah gastrousus lain serta gejala septic seperti tekanan darah rendah.

Jika tidak dirawat segera, ia

boleh menyebabkan kerosakan tisu lembut, kegagalan pernafasan, kegagalan hati, kegagalan buah pinggang dan kegagalan pelbagai organ, dengan kadar kematian melebihi 30 peratus.

Penyebaran penyakit itu atau 'jangkitan bakteria pemakan daging' kerana keparahannya, berlaku lebih cepat tahun ini.

Sehingga 2 Jun, sebanyak 977 kes dilaporkan, melebihi jumlah keseluruhan 941 kes sepanjang 2023.

Laporan mingguan mengenai

Sindrom Kejut Toksik Streptokokus (STSS)

Bagaimana ia berlaku

• Mungkin terjadi apabila bakteria masuk ke kawasan biasanya tidak ditemui bakteria, seperti darah atau otot.

• Disebarkan terutama melalui titisan daripada mukosa hidung atau tekak, serta melalui sentuhan dengan luka.

• Luka terbuka atau lebam, diabetes dan penggunaan alkohol antara faktor yang boleh meningkatkan risiko jangkitan.

• Tiga daripada 10 pesakit berkebarangkalian maut.

Apa itu STSS

• Turut dikenali jangkitan streptokokus invasif teruk atau jangkitan bakteria pemakan daging.

• Berpunca bakteria Streptococcus Kumpulan A (GAS).

• GAS adalah bakteria biasa terdapat pada tekak dan kulit, dengan bilangan besar jangkitan menyebabkan penyakit ringan dan biasa, seperti sakit tekak.

Symptom

• Bermula dengan demam, menggigil, sakit otot, loya dan muntah.

• Ruam seperti selaran matahari mungkin satu tanda pertama jangkitan.

• Dalam tempoh 24 hingga 48 jam, tekanan darah menurun diikuti kegagalan organ dan kadar jantung dan pernafasan yang cepat. Penting ke hospital secepat mungkin.

Bagaimana ia dirawat

• Menggunakan antibiotik.

• Pesakit sering juga memerlukan cecair intravena, intervensi untuk merawat kegagalan organ dan pembedahan untuk membuang tisu yang dijangkiti.

• Tiada vaksin untuk jangkitan GAS.

BERITA HARIAN
Tarikh 21 JUN 2024

Sasaran pelepasan karbon sifar bersih 2050 dimuktamad

Usaha pelbagai pihak dituntut demi keselamatan planet untuk generasi akan datang

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kerajaan muktamad dengan sasaran untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, demikian menurut Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Beliau berkata, keputusan itu diputuskan pada Mesyuarat Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, baru-baru ini.

"Sebelum ini sasaran kerajaan secara rasmi ialah hendak mencapai sifar bersih seawal 2050. Jadi bila kita bincangkan dalam pada mesyuarat Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri baru-baru ini, kita memutuskan bahawa kita hendak mencapai pelepasan sifar bersih tahun 2050," katanya.

Beliau berkata demikian pada Persidangan Pelaburan Lestari dan Bertanggungjawab (SRI) 2024

anjuran Securities Industry Development Corporation (SIDC) semalam.

Hadir sama, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Mohammad Faiz Azmi dan Ketua Pegawai Eksekutif SIDC, Tengku Zarina Tengku Chik.

Nik Nazmi berkata, usaha mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih itu adalah langkah positif demi keselamatan planet untuk generasi akan datang.

Beliau berkata, banyak usaha yang perlu dilakukan dan ia memerlukan sokongan semua pihak merangkumi institusi kewangan, syarikat serta dengan rangka dasar kerajaan yang relevan.

Persidangan Pelaburan Lestari dan Bertanggungjawab SIDC 2024 adalah sejak persidangan sulung pada 2020.

Sejak penganjurannya, persidangan itu mencapai dan membatik lebih 2,500 peserta, 170 ahli panel dan penceramah industri, 20 penaja utama dan lima tema utama didorong oleh persekitaran yang berkembang dalam pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab.

Mudahkan jana modal

Sementara itu, Mohammad Faiz berkata pasaran modal di Malaysia mesti bersedia untuk memudahkan penajaan dana dan pelaburan untuk menyokong keutamaan kerajaan dalam mencapai matlamat kelestarian dan iklim.



Nik Nazmi menyampaikan ucapan pada Persidangan Pelaburan Lestari dan Bertanggungjawab (SRI) 2024, semalam. (Foto BERNAMA)

Beliau berkata, bagi mencapai matlamat peralihan tenaga, Malaysia memerlukan RM1.3 trilion antara sekarang dan 2050, termasuk pelaburan dalam tenaga boleh baharu (TBB), kecekapan tenaga dan mobiliti hijau.

"Lebih banyak perlu dilakukan untuk memastikan pelaburan mencapai tempat yang betul dengan kesan maksimum terhadap kelestarian.

"Kita juga perlu merancang bagaimana untuk membiayai keperluan penyesuaian iklim untuk menghadapi peningkatan suhu dan kenaikan paras laut," katanya.

Mohammad Faiz berkata, Malaysia adalah satu daripada lapan negara di Asia Tenggara yang mengumumkan tarikh sasaran untuk mencapai pelepasan karbon

sifar bersih pada 2050 seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Beliau berkata, pada 2021, Malaysia menyepak komitmen Sumbangan Ditentukan Negara (NDC) kepada Perjanjian Paris, menyasarkan untuk mengurangkan 45 peratus intensiti karbon berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2030.

Katanya, SC komited untuk mengawal selia dan membangunkan pasaran modal Malaysia ke arah mencapai matlamat kelestarian dengan mempromosikan dan mengekalkan persekitaran pasaran yang adil, cekap, selamat dan telus serta pada masa yang sama menggalakkan pembangunan pasaran yang inovatif dan berdaya saing.

BERITA HARIAN
Tarikh 12 JUN 2024

Ketua jabatan perlu jadi reformis elak salah laku berterusan

NOOR MOHAMAD SHAHIL HAMEED

SYOR Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim agar ketua jabatan tidak dinaikkan pangkat jika wujud salah laku dan amalan rasuah penjawat awam di bawahnya sehingga tidak dilaporkan menarik perhatian khalayak untuk dibincangkan.

Cadangan ini wajar diteliti dalam konteks yang positif dan maksud tersirat di sebalik ketegasan Anwar, yakni saya percaya Perdana Menteri mahu semua ketua jabatan di sektor awam bertindak sebagai seorang reformis iaitu pemimpin yang sentiasa mengusahakan kebaikan, mencegah kecurangan tatakelola dan melaksanakan pembaharuan secara berterusan.

